

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PENILAIAN MENENGAH RENDAH

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Markah penuh Kertas 2 : 60 markah

Soalan 1 : 30 markah

Soalan 2 : 20 markah

Soalan 3 : 10 markah

Soalan 1 : 30 markah

Langkah-langkah memeriksa

1. Periksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Kemudian, menilai dan menganggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat A, B, C, D atau E. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah bahasa, isi dan penyampaian

Isi : Dikehendaki minimum tiga (3) isi.

Panjang karangan : Lebih daripada 180 patah perkataan, diperiksa seperti biasa.
Kurang daripada 180 patah perkataan, impression turun.

2. Tetapkan peringkat karangan itu ke dalam satu daripada peringkat di bawah

Peringkat/ Markah	Ciri karangan
A (26-30) A1 - (28-30) A2 - (26-27)	(i) Isi cukup dan dikembangkan (ii) Pengolahan menarik dan berkesan (iii) Bahasa baik dan lancar (iv) Kosa kata luas (v) Pemerenggan dan penggunaan tanda baca betul (vi) Hanya terdapat satu atau dua kesalahan bahasa
B (21- 25) B1 - (23- 25) B2- (21- 22)	(i) Isi cukup tetapi tidak begitu dikembangkan (ii) Pengolahan masih menarik dan berkesan (iii) Bahasa masih baik dan lancar (iv) Kosa kata masih luas (v) Pembahagian perenggan dan penggunaan tanda baca masih betul (vi) Terdapat tiga atau empat kesalahan bahasa sahaja
C (16- 20) C1 - (18-20) C2 - (16-17)	(i) Isi masih cukup tetapi kurang dikembangkan (ii) Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan (iii) Bahasa memuaskan dan masih lancar (iv) Kosa kata sederhana (v) Terdapat beberapa kesalahan bahasa

D (11 - 15) D1 - (13 - 15) D2 - (11 - 12)	(i)	Isi masih cukup tetapi terdapat campur aduk antara isi yang cocok dengan yang tidak
	(ii)	Pengolahan kurang memuaskan dan kadang kala kabur dan tidak logik
	(iii)	Bahasa kurang lancar
	(iv)	Kosa kata agak terhad
	(v)	Terdapat beberapa kesalahan bahasa
	(vi)	Karangan yang sipi termasuk dalam peringkat ini.
E (01 - 10) E1 - (06 - 10) E2 - (01 - 05)	(i)	Isi kurang
	(ii)	Terdapat campur aduk antara isi yang cocok dengan yang tidak
	(iii)	Pengolahan tidak memuaskan
	(iv)	Pada keseluruhannya membayangkan penguasaan bahasa yang tidak cekap dan lemah
	(v)	Karangan yang terpesong langsung termasuk dalam peringkat ini

3 (a) Karangan yang kurang/lebih daripada 180 perkataan
 Karangan yang bilangan perkataannya kurang atau lebih daripada 180 perkataan hendaklah diperiksa seperti biasa mengikut ciri-ciri di atas.

(b) Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk pertimbangan yang muktamad. Sambil membaca itu tandakan kesalahan-kesalahan isi, bahasa, ejaan dan tanda baca seperti berikut :

() Kesalahan isi

_____ Kesalahan bahasa, perkataan, frasa

/ Kesalahan ejaan

// Kesalahan ejaan yang berulang

○ Kesalahan tanda baca

(c) Pemotongan markah untuk ejaan yang salah

- 1/2 markah dipotong bagi setiap ejaan yang salah tetapi tiada pemotongan bagi kesalahan yang berulang
- Pemotongan keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah
- Ejaan hendaklah mengikut sistem ejaan Rumi baru bahasa Melayu. Tulisan Jawi juga hendaklah diperiksa seperti biasa

(d) Untuk soalan yang memerlukan format

- (i) Potong 3 markah jika tiada format